

**TAKHRIJ HADITH-HADITH MASYHUR DALAM MASYARAKAT  
MELAYU DI MALAYSIA:  
Usaha Ke Arah Membersih Dan Memartabatkan Al-Sunnah**

**Jawiah Dakir**

Institute of Islam Hadhari  
Universitas Kebangsaan Malaysia  
Email:pghiih@ukm.my

*Abstract;*

This paper was originally an investigative study focusing on the famous hadith Malays in society. The purpose of this research is to collect the famous hadith (hadits masyhur) in the Malays, then assess the level of hadith to the Malay community concerning the status of hadith which spread among them, especially the fake hadits. The collections of hadits masyhur may be obtained from a variety of sources, such as reading books , local books, magazines, newspaper, jumat speechs, and a collection of recorded religious lectures like Forum Perdana Ehwal Islam Malaysia TV1 and so on. This research employs a critical approach in looking at hadis as the second source of Islamic teaching. It refers to the critical methodology of Hadith scholars who had been instrumental in developing the science of hadith. This study is expected to impose the Islamic community about the importance of sorting hadis which have been implemented among the society in order to apply hadis sahih. Furthermore, Muslims also can avoid the distortions to al-Sunnah or Hadith. Therefore, studying the science of Hadith is strongly important to Muslims, especially among the Malays for keeping the Islamic religion, especially the second source of Islamic teachings, namely al-Sunna or Hadith.

**Keyword:** Takhrij Hadis – The Famous Hadis – Malay – al-Sunnah

**I. Pengenalan**

Hadith berfungsi sebagai sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran. Hal ini telah disepakati oleh semua ulama. Para fuqaha' dari kalangan Sahabat semuanya kembali merujuk kepada hadith Rasulullah s.a.w. apabila menerangkan makna kandungan al-Quran, kerana hadith adalah sumber syariat Islam dalam mengenal halal dan haram. Fungsinya adalah dirujuk kepada peranan al-Sunnah atau terhadap al-Quran yang mana antara lain ianya sebagai penerang kepada nas-nas al-Quran yang yang tidak jelas, mengkhususkan yang umum, mentaqyidkan yang mutlak hatta membina hukum yang berdasarkan kepada punca daripada al-Quran. Kerana itu boleh disimpulkan bahawa umat Islam tidak dapat melaksanakan ajaran Islam

dengan sempurna sekiranya tidak berpandukan pertunjuk dan praktik al-Sunnah atau Hadith.

Oleh kerana itu, bagi mempraktik ajaran Islam dengan betul dan tepat, umat Islam wajib merujuk kepada al-Sunnah atau Hadith yang *sahih*. Kepentingan merujuk kepada al-Sunnah atau Hadith yang *sahih* adalah untuk mengelakkan umat Islam daripada penyelewengan dan penyalahgunaan nas-nas hadith untuk kepentingan diri ataupun bagi tujuan untuk menjatuhkan martabat Islam. Lebih malang lagi jika nas-nas tersebut berkaitan dengan akidah dan syariat yang boleh menyebabkan akidah seseorang itu rosak atau sesat dan syariatnya batal atau fasid. Bahaya penggunaan nas-nas yang tidak *sahih* atau lebih jelas lagi Hadith-hadith palsu oleh kalangan ‘bijakpandai’, guru-guru agama hatta ahli akademik yang tidak peka kepada *sahih* atau palsunya sesuatu nas Hadith, akan menambah kegawatan dan kekeliruan dikalangan orang awam, lebih-lebih lagi kepada mereka yang tidak mempunyai asas dalam ilmu agama atau dikalangan mereka yang tidak mantap ilmu agamanya.

Umat Islam dapat mengelakkan diri daripada penyelewengan dan salah pegangan jika merujuk kepada al-Sunnah atau Hadith yang *sahih*. Oleh kerana itu, pendedahan ilmu Hadith yang *sahih* kepada umat Islam, khusus di kalangan orang-orang Melayu adalah amat penting bagi menjaga agama Islam terutama sumber kedua ajaran Islam, iaitu al-Sunnah atau Hadith.

## II. Pentingnya Ilmu Hadith Untuk Faham Agama

Bagi mengetahui secara betul dan tepat, umat Islam dituntut supaya belajar Hadith ataupun al-Sunnah, dengan tujuan untuk mempastikan apa yang diamalkan itu benar-benar dari ajaran Rasulullah s.a.w. atau sebaliknya. Sejarah Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. telah membuktikan bahawa mereka telah muncul sebagai orang-orang Islam yang berilmu tinggi serta mampu untuk berijtihad dan menguasai berbagai bidang ilmu Islam kerana mereka banyak menumpukan sebahagian hidup mereka untuk belajar al-Quran dan Hadith daripada Rasulullah s.a.w. Dengan kegigihan mereka dan generasi selepas mereka dalam meriwayat dan mencatatkan Hadith, telah menyediakan wadah dan kemudahan bagi generasi selepas mereka untuk mentadwinkan Hadith; iaitu mengumpul, memeriksa, menulis dan membukukan Hadith sehingga dapat dimanfaatkan oleh beratus-ratus generasi hingga sekarang. Umat Islam sekarang mendapat faedah yang amat besar dengan pengumpulan dan penulisan Hadith oleh generasi awal Islam. Umat Islam kini hanya perlu kepada daya usaha untuk mendapatkan kitab-kitab Hadith yang muktabar, seterusnya belajar tentang Hadith daripada kitab-kitab tersebut. Dalam menentukan nas-nas Hadith itu sahih ataupun palsu, rujukan kepada kitab-kitab muktabar ini amat penting agar umat Islam selamat daripada berhujah dengan nas-nas palsu. Disamping itu di negara kita tidak kurang dengan ilmuan Islam yang mahir dan mendalam ilmunya tsentang Hadith yang boleh

dirujuk sekiranya timbul sebarang ketidakfahaman atau kekeliruan tentang kesahihan atau kepalsuan sesuatu Hadith. Umat Islam sewajarnya berpegang dengan saranan Allah S.W.T. supaya merujuk kepada ilmuan agama sekiranya ada kemusyikan.

Kepentingan belajar ilmu agama termasuk ilmu Hadith yang sahih daripada baginda termasuk ke dalam seruan baginda: *sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat* (al-Bukhari, *kitab ahadith al-anbiya'*, *bab ma dhukir 'an bani Isra'il*). Kepentingan belajar dan menyampaikan ilmu ini amat mendesak pada masa sekarang berikutan banyaknya berlaku penyebaran ajaran Islam yang diselewengkan ataupun menyeleweng sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, yang dilakukan oleh orang perseorangan ataupun kumpulan yang berkepentingan. Lebih-lebih lagi dalam menghadapi gelora dan ombak globalisasi ilmu dalam dunia tanpa sempadan, umat Islam dengan mudah dan cepat dihidangkan dengan ilmu dan maklumat yang tidak tepat atau menyeleweng daripada hakikat dan nilai-nilai Islam. Lebih malang lagi apabila apa yang disampaikan itu didakwa daripada ajaran Rasulullah s.a.w., sedangkan hakikatnya ianya bukanlah daripada baginda. Bagi umat Islam, sebarang ilmu yang bukan bersumber utamakan al-Quran dan al-Sunnah atau Hadith yang *sahih* serta sumber-sumber yang diiktiraf dalam Islam seperti *ijma'* ulama dan *qias* yang berdasarkan kedua-dua sumber utama tadi, wajar ditolak demi menjaga kemurnian dan kesahihan ajaran Islam.

Suruhan belajar ilmu juga termasuk juga ke dalam pengertian seruan baginda: *sesiapa yang memdustakan aku, dia menyediakan tempatnya di neraka*. Maksudnya menyampaikan sesuatu yang bukan daripada ajaran baginda Rasulullah s.a.w. akan mendapat balasan azab neraka. Oleh itu bagi menjauhkan diri daripada menyampai dan mengajar sesuatu yang bukan daripada Rasulullah s.a.w., belajar Hadith itu amat penting bagi umat Islam.

### **III. Bagaimana berkembangnya Ilmu agama dan Hadith dalam Masyarakat Melayu**

Penyebaran ilmu hadith pesat berkembang seiring dengan perkembangan agama Islam itu sendiri semenjak mulanya kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga ke hari ini. Ianya melalui berbagai cara dan wadah antaranya melalui:

3.1. Kitab-kitab agama berbahasa Arab yang dibawa atau dikarang oleh para pendakwah Islam untuk tujuan pengajaran, seterusnya kitab-kitab tersebut digunakan untuk pembelajaran di pondok-pondok pengajian agama Islam, kelas-kelas tidak formal di surau-surau dan madrasah sehingga ke hari ini. Antara kitab-kitab yang sering menjadi rujukan dan bacaan ialah kitab *Durrat al-nasihin* oleh al-Hindi, kitab *Irshah 'ibad 'ila sabil al-rashad* oleh al-Shaiekh Zayn al-Din al-Malabari, kitab *Matla' al-badrayn*, kitab *al-Jawhar al-mawhub wa munabbihat al-qulub* oleh al-Sheikh 'Ali Abd al-Rahman al-Kelantani, kitab *Ihya' ulum al-din* oleh al-Imam al-Ghazali dan banyak lagi.

3.2. Kitab-kitab agama terjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, termasuklah terjemahan kitab *Ihya' ulum al-din* yang banyak digunakan oleh guru-guru agama yang mana nas-nas didalamnya banyak bercampur antara Hadith yang *sahih* dan palsu.

3.3. Kitab-kitab agama karangan ulama tempatan. Tidak dinafikan ulama tempatan memainkan peranan dalam menyebarkan agama dan ilmu Islam. Namun ada diantara kitab karangan mereka terdapat Hadith-Hadith palsu disamping banyak yang *da'if* dan amat *da'if*.

3.4. Majlis ilmu seperti ceramah, kelas tidak formal termasuk juga melalui khutbah Jumaat yang disampaikan oleh guru-guru agama dan imam-imam termasuk mereka yang bertauliah dan tidak yang bertauliah. Mereka hanya merujuk kepada kitab-kitab bukan Hadith seperti yang disebutkan diatas ketika menukil Hadith sebagai jalan mudah terutama yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu

3.5. Kelas formal di sekolah-sekolah dan ITP. Keadaan ini sama seperti faktor ke-4 yang mana mereka tidak terus merujuk hujah Hadith kepada kitab Hadith yang muktabar, tetapi hanya kepada kitab bukan Hadith dan tidak muktabar.

3.6. Media massa elektronik seperti TV & radio dan media cetak seperti artikel dalam akhbar dan majalah yang disampaikan oleh guru-guru dan penceramah. Mereka tidak atau kurang merujuk kepada kitab sumber Hadith yang muktabar.

#### **IV. Definisi Hadith Masyhur**

Masyhur dari segi bahasa merupakan *isim maf'ul* daripada perkataan *syuhrah* iaitu terkenal dan sering menjadi sebutan di kalangan manusia.<sup>1</sup> Dari sudut istilah pula ia terdiri daripada dua istilah. Istilah yang pertama berkaitan secara lansung dengan masyhur yang dikategorikan di bawah pembahagian Hadith Ahad iaitu sebuah Hadith yang perawinya tidak kurang daripada tiga orang pada setiap peringkat walaupun lebih dari tiga orang pada sesetengah peringkat atau kesemua peringkat dengan syarat tidak mencapai bilangan perawi Hadith mutawatir.<sup>2</sup>

Istilah masyhur yang berkaitan dengan kajian ini ialah masyhur dengan makna bahasa iaitu tersebar dan sentiasa disebut-sebut oleh umat Islam. Masyhur dengan makna ini terdiri daripada tiga bentuk iaitu<sup>3</sup>

a) Masyhur yang mempunyai satu sanad sahaja seperti hadith:

إنما الأعمال بالنيات

b) Masyhur yang mempunyai dua sanad dan lebih seperti hadith:

لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من والده وولده والناس أجمعين

c) Masyhur yang tidak mempunyai sanad sama sekali seperti hadith يوم خرکم صومکم yang dihukumkan oleh ulama sebagai *la asla lahu*.

Para ulama juga membahagikan mashyur kepada beberapa kategori yang lain seperti mashyur di kalangan ulama hadith sahaja, mashyur di kalangan fuqaha', mashyur di kalangan ahli bahasa dan mashyur di kalangan masyarakat awam.

Hukum hadith masyhur tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam hadith tersebut. Jika ia memenuhi syarat-syarat hadith saih maka hukumnya saih, jika ia memenuhi syarat-syarat hadith hasan maka hukumnya hasan begitulah juga jika hadith daif, tersangat daif dan palsu.<sup>4</sup>

Namun dalam kajian ini penulis tidak terikat dengan definisi masyhur dengan maksud tersebar dan selalu disebut-sebut oleh masyarakat Islam. Ini adalah kerana tidak semua hadith-hadith yang akan dikemukakan dalam penulisan ini tersebar dan selalu disebut-sebut oleh masyarakat Islam. Mashyur yang dimaksudkan dalam kajian ini hadith-hadith yang tersebar dalam pelbagai sumber walaupun mungkin tidak pernah didengari atau dikenali sebelum ini.

Antara sumber-sumber rujukan penulis dalam mengumpulkan hadith-hadith tidak berautoriti ini ialah :

Koleksi-koleksi khutbah Jumaat seperti:

- Koleksi Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Negeri Selangor
- Koleksi Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan
- Koleksi Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan
- Koleksi Khutbah Jumaat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Koleksi Khutbah Jumaat Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia

Kitab-Kitab Jawi seperti:

- al-Jawhar al-Mawhub oleh Wan Ali Kutan
- Sayr al-Salikin oleh al-Falimbani

Majalah-majalah seperti:

- Majalah Anis (Mei 2002)
- Majalah Nur (November 2005)
- Majalah Nur (Februari 2006)
- Majalah Nur (Julai 2004)
- Majalah Muslimah (Mei 2001)
- Muslimah (November 2006)
- Agama dan Falsafah (Jun 2003)
- Majalah Cahaya (Feb 2006)

Buku-buku bacaan awam seperti Israk dan Mikraj, fadilat sesuatu amalan, buku -buku mengenai motivasi dan sebagainya.

Hadith-hadith yang disampaikan melalui kuliah dan ceramah agama turut dikumpulkan dan dianalisis antaranya ceramah Forum Perdana Hal Ehwal Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

## V. Metodologi Takhrij Hadith Yang Digunakan Dalam Kajian Ini

Dalam mentakhrij hadith penulis banyak bergantung kepada program al-Maktabah al-Syamilah edisi kedua yang banyak mengandungi kitab-kitab hadith dalam pelbagai bidang. Ia secara tidak lansung mempercepatkan usaha pencarian hadith yang hendak ditakhrijkan.

Bagi hadith-hadith yang disebarluaskan dalam bahasa Melayu dan tidak disertakan dengan matannya dalam bahasa Arab, penulis akan berusaha mencari perkataan dalam bahasa Arab yang bersesuaian dengan makna hadith dalam bahasa Melayu tersebut. Setelah itu program al-Maktabah al-Syamilah akan digunakan.

Dari aspek penghukuman hadith pula adalah seperti berikut:

- a) mengumpulkan sebanyak mungkin pendapat ulama terhadap sesebuah hadith sama ada dari kalangan mutaqaddimin seperti al-Tirmidhi, ibban, al-Hakim, al-Bayhaqi, Ibn al-Jawzi, dari kalangan mutaakhirin seperti al-Dhahabi, al-Zayla'i, al-Iraqi, Ibn Hajar, al-Sakhawi, al-Suyuti dan al-Munawi dan mu'asirin seperti Ahmad Shakir, al-Albani, al-Arna'ui dan lain-lain. Pendapat -pendapat mereka kemudiannya akan diteliti seterusnya hukum yang terbaik akan dirumuskan bertepatan dengan metode ulama hadith.
- b) Pandangan tokoh-tokoh ulama terkenal yang sinonim dalam bidang takhrij dan hukum hadith seperti Ibn Hajar, al-Sakhawi ataupun ulama muasirin seperti al-Albani dan Syeikh al-Arnaut sentiasa diambil kira
- c) Jika terdapat pertentangan di kalangan ulama mengenai hukum sesebuah hadith, pendapat ulama mutaqaddimin seterusnya majoriti ulama akan diambil kira dengan meneliti setiap pendapat para ulama tersebut.
- d) Jika pendapat para ulama Hadis bercanggahan, sama ada dalam menghukum Hadis mahupun dalam *al-jarh wa al-ta'dil*, maka penulis akan mengambil kira kedudukan dan klasifikasi ulama itu sendiri mengikut kaedah yang digunakan oleh ulama Hadis, seperti *mutashaddid* (keras), *mu'tadil* (seimbang) dan *mutasāhil* (memudahkan). Penulis akan lebih mengambil kira pendapat golongan ulama yang dikelompokkan sebagai *mu'tadil* seperti al-Bukhari, Ahmad dan Ibn Hajar dalam *al-jarh wa al-ta'dil*, serta Ibn Hajar, al-Sakhawi dan al-Munawi dalam menghukumkan Hadis. Pendapat tokoh ulama hadith muasirin seperti al-Albani turut menjadi rujukan utama.
- e) Bagi hadith-hadith daif yang mempunyai riwayat-riwayat lain yang sahih atau hasan, penulis akan cuba mengemukakan contoh riwayat tersebut.
- f) Bagi hadith-hadith yang tidak ditemui lafaznya, penulis akan berusaha mencari riwayat lain yang sama makna dengan lafaz hadith tersebut.

- g) Bagi riwayat-riwayat yang bukan hadith penulis akan menjelaskan sandarannya sama ada dari perkataan sahabat, tabiin, para imam mujtahid dan sebagainya.

## **VI. Pemerhatian Terhadap Hadith-Hadith Masyhur Yang Tersebar Di Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia**

- a) Kebanyakan hadith-hadith yang tersebar dalam masyarakat Melayu dikemukakan terjemahannya dalam bahasa Melayu tanpa matannya dalam bahasa Arab. Ini kadangkala membawa kepada kesilapan dari sudut terjemahan maknanya.
- b) Terdapat juga beberapa buah hadith yang dikemukakan secara ringkas tanpa awalan hadith atau keseluruhan hadith.
- c) Kebanyakan hadith-hadith masyhur yang tersebar di kalangan umat Islam membincangkan mengenai *fadaail al-a'mal*.
- d) Terdapat beberapa buah hadith yang merupakan kata-kata dan pendapat sahabat, tabiin dan imam mujtahid yang disandarkan kepada nabi s.a.w.
- e) Terdapat beberapa buah hadith yang bukan bersumber daripada nabi atau sahabat, tabiin dan imam mujtahid.

## **VII. Petikan Kajian Takhrij Dan Analisis Hadith-Hadith Masyhur**

Melalui kajian ini sejumlah 916 hadith telah berjaya dikumpul daripada pelbagai sumber yang telah dijelaskan sebelum ini. Daripada jumlah tersebut 300 hadith telah dianalisis dan diletakkan hukumnya dengan berpandukan kepada metode yang digariskan oleh para ulama hadith. Namun dalam penulisan ini penulis hanya akan menganalisis dan membincangkan 30 hadith di bawah kategori daif, terlalu daif dan palsu sahaja.

### **Hadith 1**

عن ابن عباس قال من تكلم يوم الجمعة والإمام يخطب فهو كمثل الحمار يحمل أسفاراً والذي يقول له  
أنصت ليس له جمعة

### **Takhrij Hadith**

Hadith Ibn Abbas diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam musnadnya<sup>5</sup>, Al-Tabrani dalam al-Mu 'jam al-Kabir<sup>6</sup>, Ibn Abi Syaibah dalam musannaf<sup>7</sup>, Al-Ramahurmuzi dalam al-Amthal<sup>8</sup>, Ibn al-Jawzi dalam al-'Ilal al-Mutanahiyah<sup>9</sup>

Terdapat seorang perawi yang dipertikaikan dalam sanad hadith ini iaitu Mujalid bin Sa'id. Ahmad menghukumkan Mujalid sebagai laysa bi syai', Yahya pula menghukumkan sebagai hadith beliau tidak boleh dibuat hujjah. Namun al-Hafiz Ibn Hajar menyatakan terdapat sokongan (syahid) bagi hadith ini dalam Jami' Hammad bin Salamah daripada Ibn 'Umar secara mawquf. Menurut al-Albani dalam kitabnya *Tamam al-Minnah fi al-Ta'liq 'ala fiqh al-sunnah* hadith mauquf tidak boleh menguatkan hadith marfu'.

### **Hukum Hadith**

Hadith riwayat Ibn Abbas hukumnya daif. Namun terdapat hadith mawquf yang sahih iaitu melalui riwayat Ibn 'Umar.

### **Hadith 2**

لَوْ عَلِمَ الْعَبادُ مَا فِي رَمَضَانَ لَتَمَنَّ أَمْتَيَ أَنْ يَكُونَ رَمَضَانَ السَّنَةِ كُلِّهَا

### **Takhrij Hadith**

Hadith ini merupakan potongan daripada hadith yang panjang yang diriwayatkan oleh Ibn Huzaymah dalam sahihnya<sup>10</sup> , Al-Tabrani dalam al-Mu'jam al-Kabir<sup>11</sup> , Abu Ya'la dalam musnadnya<sup>12</sup>

Menurut Ibn Hajar terdapat seorang perawi iaitu Jarir bin Ayyub yang dihukumkan sebagai daif jiddan. Ibn al-Jawzi meriwayatkan hadith tersebut dalam kitabnya al-Mawduat<sup>13</sup>

Al-Albani bersetuju dengan pendapat Ibn al-Jawzi dan al-Mundhiri yang menghukumkan hadith ini sebagai palsu. Al-Albani juga mengemukakan kecacatan (illah) yang lain iaitu perawi bernama Nafi ' bin Burdah yang tidak ditemui terjemahannya.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya palsu.

### **Hadith 3**

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُونَ كُفْرًا وَكَادَ الْحَسْدُ أَنْ يَسْبِقَ الْقَدْرَ

### **Takhrij Hadith**

Hadith melalui riwayat Yazid al-Riqasyi daripada Anas bin Malik diriwayatkan oleh Abu Nu'aym dalam al-Hilyah<sup>14</sup>, Abu Nu'aym dalam Tarikh Asbahan<sup>15</sup> , al-Baihaqi dalam Syu 'ab al-Iman<sup>16</sup> , al-Quda'i dalam Musnad al-Syihab<sup>17</sup> , al-'Uqayli dalam al-Du 'afa<sup>18</sup> , Ibn al-Jawzi dalam al-'Ilal al-Mutanahiyah<sup>19</sup> , al-Dulabi dalam al-Kuna wa al-Asma'<sup>20</sup> dan Ibn Abi al-Dunya dalam Islah al-Mal<sup>21</sup>

Yazid al-Riqasyi yang terdapat dalam sanad ini telah dihukumkan oleh ulama sebagai daif jiddan. Terdapat dua riwayat lain selain daripada riwayat-riwayat yang dinyatakan di atas namun kedua-dua riwayat tersebut juga mempunyai perawi yang tersangat daif.

Hadith ini dihukumkan daif oleh al-Albani, Syu'ayb al-Arnaut dan Husayn Salim Asad dalam tahqiqnya terhadap Musnad Abu Ya'la.

**Hukum Hadith:** Terlalu daif

### **Hadith 4**

اسْتَفْرُهُوْ ضَحِيَاكُمْ فَإِنَّهَا مَطَايِّكُمْ عَلَى الْصِّرَاطِ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Rafi ‘i dalam al-Tadwin fi Akhbar Qazwin<sup>22</sup> , Al-Daylami dalam Musnad al-Firdaws<sup>23</sup> melalui riwayat Abu Hurairah r.a, Al-Zayla’i dalam Takhrij al-Ahadith wa al-Athar al-Waqi’ah fi tafsir al-Kasyaf li al-Zamakhsyari<sup>24</sup> , Al-Ghazali dalam al-Wasit<sup>25</sup>

Selain Abu Hurairah sahabat lain yang turut meriwayatkan hadith ini ialah Abu Sa’id al-Khudri. Terdapat seorang perawi yang bernama Yahya bin ‘Ubaydillah bin Muwahhab yang dihukumkan ulama sebagai daif jiddan

Al-Albani dalam Silsilah al-Ahadith al-Da’ifah menghukumkannya sebagai la asla lahu<sup>26</sup> 1/173

**Hukum Hadith:** Tiada asalnya ( La asla lahu)

### Hadith 5

من ملك زادا وراحلة فلم يحج بيت الله لا يضره يهوديا مات أو نصرانيا ذلك أن الله قال في كتابه : والله على الناس حج البيت من استطاع إليه سبيلا .

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam sunannya<sup>27</sup> , Al-Tabari dalam tafsirnya<sup>28</sup> , Al-Bazzar dalam musnadnya<sup>29</sup> , Al-Bayhaqi dalam Syu ‘ab al-Iman<sup>30</sup> Ibn Abi Hatim dalam Tafsir Ibn Abi Hatim<sup>31</sup> , Abu al-Qasim al-Jurjani dalam Tarikh Jurjan<sup>32</sup> , Ahmad bin Ali al-Razi al-Jassas dalam Ahkam al-Quran , Ibn ‘Adi dalam al-Kamil<sup>33</sup> , Al-‘Uqayli dalam al-Du ‘afa’<sup>34</sup>

Kesemuanya melalui jalan Hilal bin ‘Abdullah Abu Hasyim Mawla Rabi ‘ah bin Salim daripada Abu Ishaq daripada al-Harith daripada Ali secara marfu’

Terdapat perawi yang bernama Hilal bin Abdulllah yang dihukumkan ulama sebagai majhul. Bukhari menghukumkannya sebagai munkar al-hadith. Al-Harith pula didaifkan dalam hadith.

Terdapat riwayat lain yang saih tetapi mawquf.

**Hukum Hadith:** Hadith ini secara marfu’ adalah terlalu daif tetapi saih secara mawquf kepada Umar. Walaupun hadith tersebut mawquf tetapi maknanya adalah marfu’.

### Hadith 6

سمعت سعيد بن المسيب يقول إن الله طيب يحب الطيب نظيف يحب النظافة كريم يحب الكرم جواد يحب الجود فظفروا أرآه قال أفنیتكم ولا تشبهوا باليهود . قال فذكرت ذلك لمهاجر بن مسماز فقال حدثنيه عامر بن سعد بن أبي وقاص عن أبيه عن النبي صلى الله عليه وسلم مثله إلا أنه قال نظفوا أفنیتكم قال أبو عيسى هذا حديث غريب وخالد بن إلياس يضعف

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam kitab Sunannya<sup>35</sup> , al-Bazzar dalam musnadnya<sup>36</sup> , Abu Ya'la dalam musnadnya<sup>37</sup> , Muhammad bin al-Husayn al-Burjulani Abu al-Syeikh dengan kesemuanya melalui riwayat Khalid bin Ilyas daripada Muhajir bin Mismar daripada 'Amir bin Sa'd daripada bapanya secara marfu'.

Abu Ya'la, Ibn Hibban, Ibn 'Adi dan Ibn al-Jawzi meriwayatkannya menerusi jalan 'Abdullah bin Nafi' daripada Khalid bin Ilyas daripada 'Amir bin Sa'ad bin Abi Waqqas daripada bapanya marfu'an.

Ulama menghukumkan Khalid sebagai daif.

**Hukum Hadith:** Hadith ini daif namun lafaz selain ﴿إِنَّ اللَّهَ نَظِيفٌ﴾ mempunyai syawahid yang menjadikannya hasan.

### Hadith 7

إِذَا حَتَمَ الْعَبْدُ الْقُرْآنَ صَلَى عَلَيْهِ عِنْدَ حَتْمِهِ سُتُونَ أَلْفَ مَلَكٍ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylami melalui al-Hasan bin 'Ali bin Zakaria *thana* Syaiban bin Farukh *thana* Yazid bin Ziyad *thana* 'Abd Allah bin Sam'an bin 'Amrin bin Syu'ayb daripada bapanya daripada datuknya secara marfu'.

Al-Suyuti menghukumkan Ibn Sam'an sebagai kazzab dan al-hasan bin 'Ali bin Zakaria iaitu Abu Sa'id al-'Adawi merupakan salah seorang yang terkenal melakukan pemalsuan hadith.

Al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai palsu.

**Hukum Hadith:** Palsu

### Hadith 8

أَقْرَبُ النَّاسِ مِنْ دَرْجَةِ النَّبِيِّ أَهْلُ الْعِلْمِ وَأَهْلُ الْجَهَادِ أَمَا أَهْلُ الْعِلْمِ فَيَدْلُونَ النَّاسَ عَلَى مَا جَاءَتْ بِهِ الرَّسُولُ وَأَمَا أَهْلُ الْجَهَادِ فَجَاهُوهُ بِأَسِيافِهِمْ عَلَى مَا جَاءَتْ بِهِ الرَّسُولُ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Nu'ayam dan al-Daylami daripada Ibn Abbas. Al-Khatib meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya *al-Faqih wa al-Mutafaqih* daripada Ishaq bin Abdillah bin Abi Furwah.

Riwayat melalui jalur Abdallah bin Abi Furwah tersangat daif. Bukhari menghukumkannya sebagai perawi yang ditinggalkan oleh para ulama (تركوه). Ali bin al-Madini menghukumkannya sebagai munkar al-hadith .

Terdapat riwayat lain yang dinyatakan oleh Al-Hafiz al-Dhahabi dalam *Siyar A'lam al-Nubala'* melalui perawi yang bernama Hafs bin Jami ' al-Kufi yang dihukumkan ulama sebagai daif hadith, Abu Zur'ah mnghukumkan

sebagai laysa bi al-qawiy, Ibn Hibban menganggapnya sebagai pernah melakukan kesilapan sehingga tidak boleh dibuat hujjah jika bersendirian.

**Hukum Hadith:** Terlalu Daif

### Hadith 9

العلم أمين الله في الأرض

**Takhrij Hadith**

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Bar dalam Jami ' Bayan al-'Ilmi wa fadlih<sup>38</sup> melalui jalur Ahmad bin Abdullah dan Maslamah melalui Ya'qub bin Ishaq al-Asqalani haddathana Muhammad bin Ahmad bin 'Umayr bin Sinan melalui Husayn bin Mansur al-Nisaburi melalui Isa bin Ibrahim al-Hasyimi dan al-Hakam bin 'Ubaydillah melalui 'Ubudah bin Qays daripada 'Abd al-Rahman bin Ghanam daripada Muaz bin Jabal.

Isnad *wahin jiddan* disebabakan perawi yang bernama Isa bin Ibrahim yang dihukumkan ulama sebagai *Halik*

**Hukum Hadith:** Hadith ini terlalu daif namun terdapat hadith saih lain yang menjelaskan tentang kelebihan ulama.

### Hadith 10

من تفقه في دين الله كفاه الله تعالى ما أهمه ورزقه من حيث لا يحتسب

**Takhrij Hadith**

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Barr dalam Jami ' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih<sup>39</sup> al-Asfahani dalam al-Tadwin fi Akhbar Qazwin<sup>40</sup>

Terdapat seorang perawi Ahmad bin Muhammad bin al-Salt yang dihukumkan ulama sebagai Kazzab. Al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai palsu dalam Silsilah al-Ahadith al-Daifah<sup>41</sup> begitu juga Hamdi bin 'Abd al-Majid al-Salafi ketika mentahqiq kitab Musnad al-Syihab juga menghukumkan sebahagai hadith palsu.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya palsu

### Hadith 11

فضل المؤمن العالم على المؤمن العابد بسبعين درجة

**Takhrij Hadith**

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Bar dalam Jami ' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih<sup>42</sup> melalui jalan Yahya bin Salih al-Ayli daripada Ismail bin Umayyah daripada 'Ubayd bin 'Umayr daripada Ibn 'Abbas farafa'ahu.

Al-'Uqayli menyatakan hadith-hadith Salih al-Ayli melalui Ismail bin Umayyah daripada 'Ata' merupakan hadith-hadith munkar

Al-Dhahabi dalam al-Mizan<sup>43</sup> 4/316 menyatakan Salih al-Ayli meriwayatkan hadith daripada Yahya bin Bukayr hadith hadith munkar

.Menurut al-Dhahabi riwayat Salih al-Ayli dalam hadith ini juga dianggap sebagai sama.

Al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai daif jiddan<sup>44</sup> 9/11

Hadith ini juga mempunyai riwayat-riwayat lain melalui riwayat Abu Hurayrah , begitu juga melalui riwayat Abd al-Rahman bin ‘Auf daripada bapanya. Namun setiap riwayat tidak sunyi daripada perawi yang daif antaranya al-Khalil bin Murrah yang dihukumkan al-Bukhari sebagai *munkar hadith*.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya terlalu daif

## Hadith 12

بَيْنَ الْعَالَمِ وَالْعَابِدِ مَائَةُ دَرْجَةٍ بَيْنَ كُلِّ دَرْجَتَيْنِ حَضْرَ الْجَوَادِ الْمَضْمُرِ سَبْعِينَ سَنَةً

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Al-Tabrani dalam al-Mu ‘jam al-Awsat<sup>45</sup> dan al-Mu’jam al-Saghir<sup>46</sup>, Ibn ‘Adi dalam al-Kamil fi al-Du ‘afa’ al-Rijal<sup>47</sup> , Ibn ‘Abd al-Bar dalam Jami’ Bayan al-‘Ilmi wa fadlih<sup>48</sup>, Ibn Jawzi dalam al-Mawdu ‘at<sup>49</sup> kesemuanya melalui jalan Talhah bin Zayd daripada Musa bin ‘Ubaydah daripada Sa’id bin Abi Hind daripada Abu Musa al-As’ari farafa’ahu.

Terdapat beberapa riwayat lain berkaitan hadith ini namun diriwayatkan oleh perawi-perawi yang tersangat daif. Syeikh al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai *daif jiddan*. Riwayat-riwayat berkaitan hadith ini kesemuanya *daif jiddan* dan tidak sesuai dijadikan penguat hadith. Ini ditambah lagi dengan peletakan hadith ini oleh Ibn al-Jawzi dalam al-Mawdu ‘at.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya terlalu daif

## Hadith 13

وَقَيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ فَقَالَ الْعِلْمُ بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَقَيلَ أَيُّ الْأَعْمَالِ تَرِيدُ فَقَالَ الْعِلْمُ بِاللَّهِ فَقِيلَ نَسَأْلُ عَنِ الْأَعْمَالِ وَتَحِبُّنَ عَنِ الْعِلْمِ فَقَالَ إِنْ قَلِيلُ الْأَعْمَالِ يَنْفَعُ مَعَ الْعِلْمِ بِاللَّهِ وَلَكِنْ كَثِيرُ الْأَعْمَالِ لَا يَنْفَعُ مَعَ الْجَهْلِ بِاللَّهِ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Abd al-Bar dalam Jami’ Bayan al-‘Ilmi wa Fadlih<sup>50</sup> melalui jalan al-Husayn bin Humayd thana Muhammad bin Ruh bin ‘Imran al-Qutayri dan Musa bin ‘Abd al-Rahman al-Thaqafi daripada ‘Ubbad bin ‘Abd al-Samad daripada Anas bin Malik farafa’ahu.

Terdapat perawi yang daif dalam sanad ini iaitu ‘Abd al-Samad dan Mu’mil bin ‘Abd al-Rahman al-Thaqafi.

Terdapat juga riwayat-riwayat lain namun diriwayatkan oleh perawi hadith palsu dan perawi terlalu lemah. Syeikh al-Albani juga menghukumkan hadith ini sebagai palsu<sup>51</sup>. 1/545

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya palsu

#### Hadith 14

العلم خزائن ومعرفتها السؤال فاسئلوا فإنه يؤجر فيه أربعة السائل والعالم والمستمع والخطب لهم

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diruiwayatkan oleh al-'Askari dalam Diwan al-Ma 'ani<sup>52</sup>, al-Khatib dalam al-Faqih wa al-Mutafaqqih<sup>53</sup> melalui jalan 'Abdullah bin Ahmad bin 'Amir al-Ta'i berkata haddathani Abu, haddathani Abu al-Hasan 'Ali bin Musa al-Rida berkata haddathani Abu Musa bin Ja'far haddathani Abu Ja'far bin Muhammad haddathani Abi Muhammad bin 'Ali haddathani Abi 'Ali bin al-Husayn haddathani Abi al-Husayn bin 'Ali haddathani Abi 'Ali bin Abi Talib farafa'ahu.

Terdapat perawi yang bernama Abdullah bin Ahmad bin 'Amir al-Ta'i yang dihukumkan ulama sebagai *kazzab*.

Al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai maudu'

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya palsu

#### Hadith 15

لأن تغدو فتتعلم بابا من العلم خير من أن تصلي مائة ركعة

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam Sunannya<sup>54</sup> dan al-Kannani dalam Misbah al-Zujajah<sup>55</sup> melalaui jalan al-Abbas bin Abdullah al-Tarfiqi thana Abdullah bin Ghalib al-'Ibadani daripada 'Abd Allah bin Ziyad al-Bahrani daripada 'Ali bin Zayd daripada Sa'id bin al-Musayyab daripada Abu Zar berkata:

عن أبي ذر قال لي رسول الله صلى الله عليه وسلم يا أبا ذر لأن تغدو فتتعلم آية من كتاب الله خير لك من أن تصلي مائة ركعة ولأن تغدو فتتعلم بابا من العلم عمل به أو لم يعمل خير من أن تصلي ألف ركعة

#### Takhrij Hadith

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Bar dalam Jami ' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih<sup>56</sup>

Syeikh Bassyar 'Awwad mengatakan isnad hadith ini daif disebabkan seorang perawi yang bernama Ali bin Zayd. Menurut Syeikh Bassyar Awad, Abdullah bin Ziyad al-Bahrani juga didaifkan oleh al-Busiri. Al-Hafiz menghukumkannya sebagai mastur manakala kami berpendapat majhul al-hal

Al-Albani menghukumkannya sebagai daif dalam kitabnya Daif Ibn Majah<sup>57</sup>

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya daif

## Hadith 16

لَا ينْبَغِي لِلْجَاهِلِ أَنْ يُسْكَنَ عَلَى جَهَلِهِ وَلَا لِلْعَالَمِ أَنْ يُسْكَنَ عَنْ عِلْمِهِ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam al-Mu'jam al-Awsat<sup>58</sup> melalui jalan Muhammad bin Abdullah al-Ansari thana Muhammad bin Abi Humayd daripada Muhammad bin al-Munkadir daripada Jabir berkata:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "لَا يَنْبَغِي لِلْعَالَمِ أَنْ يُسْكَنَ عَلَى عِلْمِهِ وَلَا يَنْبَغِي لِلْجَاهِلِ أَنْ يُسْكَنَ عَلَى جَهَلِهِ قَالَ اللَّهُ جَلَ ذِكْرَهُ "فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Al-Tabrani menyatakan bahawa hadith ini tidak diriwayatkan melainkan melalui jalan al-Ansari. Al-Haythami dalam Majma' al-Zawa'id<sup>59</sup> menyatakan hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam al-Awsat dan di dalamnya terdapat perawi bernama Muhammad bin Abi Humayd yang disepakati oleh ulama sebagai daif.

Al-'Iraqi dalam al-Mughni 'an Hamli al-Asfar<sup>60</sup> menyatakan hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam al-Awsat dan Ibn Mardawih dalam Tafsir dan Ibn al-Sinni dan Abu Nu 'aym dalam Riyadah al-Muta 'allimin dengan sanad yang daif.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya daif

## Hadith 17

مَنْ جَاءَ الْمَوْتَ وَهُوَ يَطْلَبُ الْعِلْمَ لِيُحِيِّ بِهِ الْإِسْلَامَ فِيهِ وَبَيْنَ الْأَنْبِيَاءِ فِي الْجَنَّةِ دَرْجَةً وَاحِدَةً

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Darimi dalam Sunannya<sup>61</sup>, Ibn 'Abd al-Bar dalam Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadlihi<sup>62</sup>, Ibn Syahin dalam al-Targhib fi Fadail al-A'mal wa Thawab zalika<sup>63</sup>, Ibn 'Asakir dalam Tarikh Madinah Dimasyq<sup>64</sup> melalui jalan Nasr bin al-Qasim daripada Muhammad bin Ismail daripada 'Amrin bin Kathir daripada al-Hasan farafa'ahu.

Al-'Iraqi menyatakan ulama berselisih pendapat mengenai riwayat 'Amrin bin Kathir. Sebahagian daripada mereka menghadkan sanad ini sehingga al-Hasan. Manakala sebahagian yang lain menambah selepas al-Hasan iaitu Ibn 'Abbas. Hadith ini merupakan hadith mudtarib. Al-'Iraqi menyatakan aku tidak mengetahui siapakah 'Amrin bin Kathir. Abu al-Asybal menyatakan bahawa hadith ini daif.

Terdapat riwayat lain bagi hadith ini tetapi mempunyai perawi yang matruk iaitu Muhammad bin al-Ju 'd. Al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai daif

Ibn 'Abd al-Bar menghukumkan hadith ini sebagai idtirab kerana terdapat ulama menjadikan hadith ini melalui jalan Sa'id bin al-Musayyab

daripada Ibn 'Abbas manakala selainnya menjadikan hadith ini daripada Sa'id daripada Abu Hurayrah dan Abu Zar manakala yang lain menjadikannya mursal iaitu riwayat Said bin al-Musayyab

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya daif

### Hadith 18

من تعلم ببابا من العلم ليعلم الناس أعطى ثواب سبعين صديقا

#### Takhrij Hadith

Al-Mundhiri menyatakan dalam kitabnya al-Targhib wa al-Tarhib<sup>65</sup> hadith ini diriwayatkan oleh Abu Mansur al-Daylami dalam Musnad al-Firdaws dan di dalam sanadnya terdapat *nakarah*. Al-'Iraqi dalam al-Mughni 'an Hamli al-Asfar<sup>66</sup> menyatakan hadith ini diriwayatkan oleh Abu Mansur al-Daylami dalam Musnad al-Firdaws melalui hadith Ibn Mas'ud dengan sanad yang daif

Al-Syawkani dalam kitabnya al-Fawaaid al-Majmu 'ah fi al-Ahadith al-Mawdu 'ah<sup>67</sup> menyatakan bahawa dalam isnad ini terdapat perawi yang matruk. Al-Fatni dalam Tazkirah al-Mawdu'at<sup>68</sup> menyatakan dalam sanad ini terdapat al-Jarud bin Yazid *kazzab* atau tidak thiqah atau *laysa bisayi'in* atau *matruk aqwal*

Al-Albani dalam kitabnya Da'if al-Targhib wa al-Tarhib menghukumkan hadith ini sebagai maudu'.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya palsu

### Hadith 19

كلمة من الخير يسمعها المؤمن فيعمل بها ويعلمها خير له من عبادة سنة

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Quda'i dalam Musnad al-Syihab<sup>69</sup>, Tamam al-Razi dalam al-Fawaaid<sup>70</sup>, Ibn al-Asakir dalam Tarikh Dimasyq<sup>71</sup>, melalui jalan Abu Yazid Khalid bin Hani al-Asadi thana bapanya thana Abdul al-Aziz bin 'Abd al-Rahman al-Qurasyi, thana Husayn daripada 'Ikrimah daripada Anas bin Malik .

Dalam sanad ini terdapat perawi bernama 'Abd al-'Aziz bin 'Abd al-Rahman al-Balisi yang dihukumkan oleh ulama sebagai *muttaham*. Imam al-Nasai menghukumkannya sebagai tidak thiqah. Ibn Abi Hatim dalam al-Jarh wa al-Ta'dil<sup>72</sup> ketika mengulas pendapat bapanya mengenai riwayat 'Abd al-Aziz bin Abd al-Rahman al-Madini yang mengambil daripada Hasif : buanglah hadith-hadithnya ia dusta atau palsu.

Hadith ini juga mempunyai sanad lain melalui riwayat Ibn al-Mubarak dalam al-Zuhd<sup>73</sup> . Sanad ini diulas oleh al-'Iraqi dalam al-Mughni 'an Hamli al-

Asfar<sup>74</sup> dengan katanya hadith ini diriwayatkan oleh Ibn al-Mubarak dalam al-Zuhd dan al-Raqaiq melalui riwayat Zayd bin Aslam secara mursal dan dalam Musnad al-Firdaws melalui hadith Abu Hurayrah dengan sanad yang daif. Di dalamnya terdapat perawi Abd al-Rahman bin Zayd bin Aslam yang daif.

Begini juga terdapat sanad lain bagi hadith ini yang diriwayatkan oleh al-Rafi 'i dalam al-Tadwin fi Akhbar Qazwin<sup>75</sup> yang di dalam sanadnya terdapat Abu Bakr Muhammad bin al-Hasan al-Naqqasy yang dihukumkan dengan muttaham

Al-Albani dalam Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah<sup>76</sup> menghukumkan hadith ini sebagai palsu . Perawi-perawi thiqah yang merupakan perawi-perawi kitab sahih diletakkan oleh al-Naqqays dalam sanad. Beliau merupakan seorang yang dusta sebagaimana yang diputuskan oleh al-Dhahabi .

**Hukum Hadith:** Hadith ini secara marfu' adalah palsu. Manakala terdapat riwayat lain mursal yang daif.

## Hadith 20

لَيْسَ مِنْ أَخْلَاقِ الْمُؤْمِنِ التَّمْلُقُ إِلَّا فِي طَلْبِ الْعِلْمِ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Quda'i dalam Musnad al-Syihab<sup>77</sup>, al-Bayhaqi dalam Syu'ab al-Iman<sup>78</sup>, Ibn 'Adi dalam al-Kamil fi al-Du 'afa' al-Rijal<sup>79</sup>, al-Rafi 'i dalam al-Tadwin fi Akhbar Qazwin<sup>80</sup> melalui jalan al-Hasan bin Dinar daripada Khasib bin Juhdur daripada al-Nu 'man bin Salim daripada 'Abd al-Rahman bin Ghanam daripada Muaz bin Jabal farafa'ahu.

Al-Suyuti dalam kitabnya al-Lali' al-Masnu'ah<sup>81</sup> melalui jalan Ibn 'Adi. Ibn 'Adi berkata masalah sanad ini ialah pada al-Khasib. Perawi ini didustakan oleh Syu'bah , al-Qattan dan Ibn Ma'in. Ibn Hibban menyatakan bahawa perawi ini meriwayatkan hadith-hadith palsu daripada perawi thiqat. Di dalam sanad ini juga terdapat perawi yang bernama al-Hasan bin Wasil iaitu Ibn Dinar yang didustakan oleh Ahmad dan Yahya.

Al-Albani dalam kitabnya Silsilah al-Ahadith al-Daifah<sup>82</sup> menghukumkan hadith ini sebagai palsu.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya palsu

## Hadith 21

مَنْ ذَكَرَ اللَّهَ عِنْدَ وَضُوئِهِ طَهَرَ اللَّهُ جَسَدُهُ كُلُّهُ وَمَنْ لَمْ يَذْكُرْ اللَّهَ لَمْ يَطْهُرْ مِنْهُ إِلَّا مَا أَصَابَهُ الْمَاءُ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daraqutni dalam sunannya<sup>83</sup>, al-Bayhaqi dalam Sunan al-Bayhaqi al-Kubra<sup>84</sup>, Ibn 'Asakir dalam Tarikh Dimasyq<sup>85</sup> melalui jalan Yahya bin Hasyim thana al-A'masy daripada Syaqiq bin 'Abdullah bin Mas'ud . Terdapat juga penambahan daripada al-Bayhaqi dan al-Daraqutni.

Al-Bayhaqi menyatakan hadith ini daif dan beliau tidak mengetahui sesiapapun yang meriwayatkan daripada al-A'masy melainkan Yahya bin Hasyim. Yahya bin Hasyim pula dihukumkan ulama sebagai *matruk al-Hadith*. Terdapat juga riwayat lain melalui Ibn Umar tetapi di dalam isnadnya terdapat Yahya bin Hasyim al-Simsar yang didustakan oleh Yahya bin Ma'in dan dihukumkan *matruk* oleh al-Nasai.

Hadith ini juga mempunyai sanad lain daripada Abu Hurayrah secara marfu' yang daif. Al-Daraqutni dan al-Bayhaqi juga meriwayatkan hadith ini melalui jalan Ibn 'Umar yang di dalamnya terdapat Abu Bakr al-Dahiri yang matruk. Al-Albani dalam kitabnya *Silsilah al-Ahadith al-Daifah*<sup>86</sup> menyatakan hadith ini daif dalam kesemua riwayatnya

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya terlalu daif

## Hadith 22

خیر شبابکم من تشبه بکھولکم وشر کھولکم من تشبه بشبابکم

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam *al-Mu'jam al-Kabir*<sup>87</sup>, Abu Ya'la dalam musnadnya<sup>88</sup>, Tamam al-Razi dalam *Fawaid*<sup>89</sup>, Ibn 'Asakir dalam *Tarikh Dimasyq*<sup>90</sup>, al-Daynuri dalam *al-Mujalasah wa Jawahir al-'Ilmi*<sup>91</sup> melalui jalan 'Anbasah bin Sa'id daripada Mawla Bani Umayyah daripada Janah mawla al-Walid daripada Wathilah bin al-Asqa'. Dalam sanad ini terdapat 'Anbasah bin Sa'id yang dihukumkan oleh Abu Hatim sebagai *daif al-hadith*. Pendapat ini disokong oleh Ibn Ma'in. al-Azdi pula menghukumkan Hammad Mawla Umayyah sebagai *matruk*. Abu Hatim pula menganggap perawi ini sebagai *majhul*.

Hadith ini juga mempunyai sanad lain iaitu melalui jalan Anas bin Malik. Namun dalam sanad ini terdapat perawi yang bernama al-Hasan bin Abu Ja'far yang dihukumkan ulama sebagai daif. Al-Bukhari menghukumkan riwayat perawi ini daripada Abu al-Zubayr dengan *munkar hadith*. Imam al-Tirmidhi menyatakan perawi ini didaifkan oleh Yahya bin Sa'id dan sebagainya. Imam al-Nasai menghukumkannya sebagai daif dan dalam tempat yang lain beliau menghukumkannya sebagai *matruk al-hadith*.

Terdapat sanad yang lain melalui jalan Ibn Abbas. Di dalam sanad hadith ini terdapat perawi yang bernama Bahr bin Kunayz al-Bahili yang dihukumkan ulama sebagai daif jiddan. Abu Hatim menghukumkannya sebagai daif. Terdapat juga sanad lain melalui jalan Umar. Namun terdapat dalam sanad ini perawi yang bernama Ibrahim bin Hayyan al-Ansari yang dihukumkan ulama sebagai daif. Ibn 'Adi menyatakan bahawa Ibrahim meriwayatkan hadith-hadith palsu.

Menurut pendapat al-Munawi dalam *al-Taysir bi syarh al-Jami'* al-Saghir<sup>92</sup> melalui jalan Wathilah bin al-Asqa' terdapat perawi yang tidak

dikenali, riwayat Anas daif begitu juga riwayat Ibn Abbas dan Ibn Mas'ud yang daif. Namun disebabkan oleh sokongan-sokongan ini ia menguatkan riwayat tersebut. Al-Albani menghukumkan hadith ini dengan hukum daif dalam bukunya Silsilah al-Ahadith al-Daifah<sup>93</sup> 8/65. Alasan beliau ialah kerana riwayat-riwayat yang lain tersangat daif. Riwayat yang paling baik ialah melalui jalan Anas.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya daif

### Hadith 23

خَيْرُ الْأُمُورِ أَوْسَطُهَا

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Saad dalam al-Tabaqat al-Kubra<sup>94</sup>, al-Bayhaqi dalam Syu'ab al-Iman<sup>95</sup>, Ibn Abi Syaibah dalam musannafnya<sup>96</sup> melalui jalan Hammad bin Salamah daripada Thabit daripada Matraf.

Ibn 'Asakir dalam Tarikh Madinah Dimasyq<sup>97</sup> melalui jalan Ahmad bin Abi Taybah daripada 'Abd al-Rahman iaitu al-Mas'udi daripada 'Awn daripada Matraf bin al-Syakhir.

Al-'Iraqi dalam al-Mughni 'an Hamli al-Asfar<sup>98</sup> menyatakan hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam Syu'ab al-Iman melalui jalan Matraf bin 'Abdullah secara mu'dal . Dalam 2/758 dan 2/843 beliau menyatakan hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam al-Syu'ab secara mursal. Terdapat riwayat lain melalui jalan Abu Qilabah yang mursal. Al-Sakhawi dalam al-Maqasid al-Hasanah<sup>99</sup>, al-'Ajluni dalam Kasyf al-Khafa<sup>100</sup> menyatakan riwayat Abu Ya'la dengan sanad perawi-perawi yang thiqah daripada Wahb bin Munabbih.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya daif

### Hadith 24

يَا أَبَا هَرِيرَةَ مَرَأَتْكَ بِالصَّلَاةِ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِيكَ بِالرِّزْقِ مِنْ حِيثُ لَا يَحْتَسِبُ

#### Takhrij Hadith

Al-'Iraqi dalam al-Mughni 'an Hamli al-Asfar<sup>101</sup> menyatakan bahawa aku tidak menemui asal bagi hadith ini. Al-Subki juga tidak menemui sanad bagi hadith ini.

**Hukum Hadith:** Hadith ini tiada asalnya ( لا أصل له )

### Hadith 25

لَا يَنْظُرَ اللَّهُ إِلَى الصَّلَاةِ مَا لَمْ يَحْضُرْ الرَّجُلُ فِيهَا قَلْبُهُ مَعَ بَدْنِهِ

### Takhrij Hadith

Al-'Iraqi dalam al-Mughni 'an Hamli al-Asfar<sup>102</sup> menyatakan bahawa beliau tidak menemui lafaz seperti ini. Hadith ini diriwayatkan oleh Muhammad bin Nasr dalam kitab al-Solat melalui jalan Uthman bin Abi Dahrasy secara mursal

لَا يَقْبِلُ اللَّهُ مِنْ عَبْدٍ عَمَلاً حَتَّىٰ يَشَهِدْ قَلْبَهُ مَعَ بَدْنِهِ

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Abu Mansur al-Daylami dalam Musnad al-Firdaws<sup>103</sup> melalui jalan Ubay bin Kaab dengan sanad yang daif.

**Hukum Hadith:** Hadith dengan lafaz ini tidak dapat dikesan sanadnya tetapi terdapat hadith yang mempunyai lafaz yang hampir sama dengan sanad yang daif

### Hadith 26

أَيُعْجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَجْمَعَ أَهْلَهُ فِي كُلِّ جَمْعَةٍ فَإِنْ لَهُ أَجْرٌ أَثْنَيْنِ أَجْرٌ غَسْلٌ وَأَجْرٌ غَسْلٌ امْرَأَهُ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam Syu'ab al-Iman<sup>104</sup> daripada Abu 'Utbah, thana Baqiyah thana Yazid bin Sinan daripada Bukayr bin Fayruz daripada Abu Hurairah. Menurut al-Bayhaqi riwayat Baqiyah perlu diselidiki walaupun sahih .Menurut al-Albani isnad hadith ini *daif jiddan* kerana terdapat dalam sanadnya Yazid bin Sinan. Al-Nasai menganggapnya sebagai *matruk hadith*. Menurut Ibn 'Adi kebanyakan hadith-hadithnya tidak *mahfuz*. Selain itu terdapat perawi yang bernama Baqiyah bin al-Walid yang merupakan seorang *mudallis* yang melakukan 'an'anah. Justeru al-Bayhaqi menganggap riwayat Baqiyah perlu diselidiki. Abu 'Utbah yang terdapat dalam sanad ini juga dipertikaikan oleh para ulama.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya terlalu daif

### Hadith 27

مِنْ صَلَّى عَلَيْيِ يَوْمَ الْجَمْعَةِ مائَةً مَرَّةً جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَعَهُ نُورٌ لَوْ قُسْمَ ذَلِكَ النُّورِ بَيْنَ الْخَلْقِ لَوْ سَعَاهُمْ

### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Nu'aym al-Asfahani fi Hilyah al-Awliya<sup>105</sup> melalui jalan Abu 'Abdillah Muhammad bin 'Abdullah thana Muhammad bin Abi Mu'az daripada bapanya daripada Ibrahim bin Adham daripada Muhammad bin 'Ajlan daripada 'Ali bin al-Husayn daripada bapanya daripada Ali bin Talib. Menurut Abu Nu'aym hadith ini *gharib* melalui jalan Ibrahim daripada Ibn 'Ajlan. Kami tidak akan menulisnya melainkan melalui hadith Muhammad bin Ahmad al-Bukhari?

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya daif

### Hadith 28

من قرأ قل هو الله أحد ألف مرة فقد اشتري نفسه من النار

#### Takhrij Hadith

Hadith ini terdapat dalam kitab Tazkirah al-Mawdu'at oleh al-Fatni. Dalam sanad tersebut terdapat seorang perawi yang bernama Mujasyi'an yang dihukumkan ulama sebagai al-kazzab. Al-Maqdisi dalam kitabnya al-Mawdu'at menyatakan bahawa terdapat dalam sanad hadith ini seorang perawi yang bernama Hajjaj bin Maymun al-Basri yang dihukumkan ulama sebagai munkar al-hadith.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya palsu

### Hadith 29

صوموا تصحوا وسافروا تستغنووا

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam Mu'jam al-Awsat<sup>106</sup>, Ibn 'Adi dalam al-Kamil<sup>107</sup> dan al-'Uqayli dalam al-Du 'afa'<sup>108</sup>.

Al-'Iraqi menyatakan ketika mentakhrij hadith-hadith Ihya'<sup>109</sup> bahawa hadith ini dikeluarkan oleh al-Tabrani dalam al-Awsat, Abu Nu 'aym dalam al-Tib al-Nabawi melalui hadith Abu Hurairah dengan sanad yang daif. Al-Syawkani dalam al-Fawaid al-Majmu 'ah<sup>110</sup> menukarkan pendapat al-Saghani yang menghukumkannya sebagai mawdu'. Syu'ayb al-Arnaut menghukumkan riwayat al-Tabrani sebagai daif jiddan, Al-Daraqutni menghukumkan guru al-Tabrani iaitu Musa bin Zakaria sebagai matruk. Nahsyal bin Sa'id dihukumkan sebagai matruk al-hadith dan Ishaq bin Rahawih mendustakannya. Al-Albani dalam Silsilah al-Daifah menghukumkan hadith ini sebagai daif kerana Zuhayr bin Muhammad.

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya terlalu daif

### Hadith 30

هو شهر أوله رحمة وأوسطه مغفرة وآخره عتق من النار

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Harith bin Zayd dalam musnadnya melalui jalan Abdullah bin Bakar. Dalam sanad tersebut terdapat seorang perawi yang bernama Iyas bin Abi Iyas daripada Sa'id bin al-Musayyab. Menurut Ibn Hajar dalam kitabnya Lisan al-Mizan perawi tersebut tidak dikenali dan khabarnya munkar<sup>111</sup>. al-'Aini dalam 'Umdah al-Qari<sup>112</sup> menghukumkan isnadnya sebagai tidak sahih kerana terdapat perawi yang

bernama Iyas. Al-'Uqayli dalam kitab al-Du'afa'<sup>113</sup> ketika mengulas mengenai Iyas bin Abi Iyas menghukumkannya sebagai majhul dan hadithnya tidak mafuz. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ibn Huzaymah dalam sahihnya melalui jalan Ali bin Zayd bin Jad'an daripada Sa'id al-Musayyab daripada Salman al-Farisi farafa'ahu. Ibn Huzaymah menggunakan istilah "jika sahil khabarnya"

Al-'Uqayli ketika menterjemahkan perawi yang bernama Sallam bin Suwar daripada Maslamah bin al-Salt daripada al-Zuhri Syamiy menyatakan "tiada asalnya daripada hadith Zuhri".<sup>114</sup> Ibn Hajar dalam Lisan al-Mizan ketika menterjemahkan Maslamah bin al-Salt daripada al-Nadr bin Ma'bād menukarkan hukum Abu Hatim yang menghukumkan perawi tersebut dengan Matruk al-hadith.<sup>115</sup> Al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai hadith munkar.<sup>116</sup>

**Hukum Hadith:** Hadith ini hukumnya terlalu daif

### VIII. Pembahagian Hukum Hadith-Hadith Yang Tersebar Dalam Masyarakat Melayu

Daripada 30 hadith di atas, hadith yang berstatus terlalu daif berjumlah 10 hadith, diikuti hadith palsu yang berjumlah 9 hadith, hadith daif berjumlah 8 hadith dan 3 hadith yang berstatus la asla lahu. Namun daripada 300 hadith yang telah dianalisis 32 daripadanya adalah hadith daif, 20 hadith terlalu daif, 18 hadith palsu, 7 hadith la asla lahu, 13 hadith yang bukan daripada hadith nabi, dan 9 hadith yang tidak ditemui lafadznya.

Bil	Hukum Hadith	Jumlah
1	Daif	32
2	Terlalu Daif	20
3	Palsu	18
4	La Asla Lahu	7
5	Bukan Hadith Nabi	13
6	Hadith Yang Tidak Ditemui	9
	<b>Jumlah</b>	<b>99</b>

### IX. Penutup

Kedatangan Islam ke alam Melayu, telah membawa bersama ilmu hadith. Penyebaran ilmu ini ke dalam masyarakat Melayu melalui berbagai kaedah. Ulama-ulama Islam dahulu telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran ajaran Islam ini, sekaligus menyebarkan ilmu hadith ke alam ini. Karya-karya mereka menjadi panduan bagi masyarakat Melayu dalam memahami dan melaksanakan Islam dalam kehidupan mereka. Dalam perkembangan itu, mereka dengan secara tidak sengaja menyebarkan bersama hadith yang tidak sahil, daif, sangat daif bahkan yang palsu. Usaha harus

dilakukan bagi membersihkan kefahaman dan amalan masyarakat Melayu yang berasaskan hadith yang tidak berkualiti terutama yang palsu. Sudah tiba masanya masyarakat Melayu wajar sekali didedahkan dengan ilmu khusus untuk mengenal mana satu hadith yang boleh dijadikan hujah atau sebaliknya. Ulama dan para ilmuan berkenaan harus mengambil tanggungjawab untuk menyumbang ilmu dan maklumat lebih banyak dan serius dalam mendidik masyarakat Melayu dalam hal ini. Dengan adanya projek-projek kajian khusus, persidangan seperti ini, kuliah khusus, dapat membantu kita untuk memartabatkan al-Sunnah sebagai sumber yang berwibawa; dengan erti bersih dari hadith palsu yang bertebaran disekeliling kita, sesuai dengan amaran Rasulullah s.a.w. *sesiapa yang berbuat dusta ke atas dengan sengaja maka dia telah menempah tempat di neraka.*

#### *Endnotes*

<sup>1</sup> Jamal al-Din Muhammad bin Makram bin Manzur (t.t), Lisan al-'Arab j.4 Beirut : Dar Sadir h.431

<sup>2</sup> Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani (1999) Nuzhah al-Nazar Fi Taudih Nukhbah al-Fikr Fi Mustalah Ahl al-Athar, Oman: Dar Ammar Li al-Nasyr wa al-Tauzi' h. 22.

<sup>3</sup> Mahmud al-Tahhan (1996), Taysir Mustalah al-Hadith c.9, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi' h. 23

<sup>4</sup> Ibid

<sup>5</sup> Ahmad bin Hanbal, Musnad Imam Ahmad 1/230

<sup>6</sup> Al-Tabrani, al-Mu 'jam al-Kabir 12/90

<sup>7</sup> Ibn Abi Syaibah, Musannaf Ibn Abi Syaibah 1/458

<sup>8</sup> Al-Ramahurmuzi, al-Amthal 1/91

<sup>9</sup> Ibn al-Jawzi, al-'Ilal al-Mutanahiyah 1/463

<sup>10</sup> Ibn Huzaymah, Sahih Ibn Huzaymah 3/190

<sup>11</sup> Al-Tabrani, al-Mu 'jam al-Kabir 22/388

<sup>12</sup> Abu Ya'la, Musnad Abu Ya'la 9/180

<sup>13</sup> Ibn al-Jawzi, al-Mawdu'at 2/104

<sup>14</sup> Abu Nu'aym, Hilyah al-Awliya' 3/53

<sup>15</sup> Abu Nu'aym, Tarikh Asbahan 1/242

<sup>16</sup> al-Baihaqi, Syu 'ab al-Iman 5/267

<sup>17</sup> al-Quda'i, Musnad al-Syihab 1/342

<sup>18</sup> al-'Uqayli, al-Du 'afa' 1/254

<sup>19</sup> Ibn al-Jawzi, al-'Ilal al-Mutanahiyah 2/805

<sup>20</sup> al-Dulabi, al-Kuna wa al-Asma' 2/131

- 
- <sup>21</sup> Ibn Abi al-Dunya, Islah al-Mal h. 121
- <sup>22</sup> al-Rafi 'i, al-Tadwin fi Akhbar Qazwin 3/219
- <sup>23</sup> Al-Daylami, Musnad al-Firdaws<sup>23</sup> melalui riwayat Abu Hurairah r.a1/85
- <sup>24</sup> Al-Zayla'I, Takhrij al-Ahadith wa al-Athar al-Waqi'ah fi tafsir al-Kasyaf li al-Zamakhsyari 3/176
- <sup>25</sup> Al-Ghazali , al-Wasit 7/131
- <sup>26</sup> Al-Albani, Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah 1/173
- <sup>27</sup> al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi 3/176
- <sup>28</sup> Al-Tabari, Tafsir al-Tabari 7/41
- <sup>29</sup> Al-Bazzar, Musnad al-Bazzar 3/87
- <sup>30</sup> Al-Bayhaqi, Syu 'ab al-Iman 3/430
- <sup>31</sup> Ibn Abi Hatim, Tafsir Ibn Abi Hatim 3/713
- <sup>32</sup> Abu al-Qasim al-Jurjani, Tarikh Jurjan 1/433
- <sup>33</sup> Ibn 'Adi, al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal 7/120
- <sup>34</sup> Al-'Uqayli, al-Du 'afa' 4/348
- <sup>35</sup> al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi 5/111
- <sup>36</sup> al-Bazzar, Musnad al-Bazzar 3/320
- <sup>37</sup> Abu Ya'la, Musnad Abu Ya'la 2/122
- <sup>38</sup> Ibn 'Abd al-Bar, Jami ' Bayan al-'Ilmi wa fadlih 1/52
- <sup>39</sup> Ibn 'Abd al-Barr, Jami ' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih 1/45
- <sup>40</sup> al-Asfahani, al-Tadwin fi Akhbar Qazwin 3/260
- <sup>41</sup> Al-Albani, Silsilah al-Ahadith al-Daifah 10/135
- <sup>42</sup> Ibn 'Abd al-Bar, Jami ' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih 1/22
- <sup>43</sup> Al-Dhahabi, Mizan al-I'tidal 4/316
- <sup>44</sup> Al-Albani menghukumkan hadith ini sebagai daif jiddan 9/11
- <sup>45</sup> Al-Tabrani, al-Mu 'jam al-Awsat 4/302
- <sup>46</sup> Al-Tabrani, al-Mu'jam al-Saghir 1/354
- <sup>47</sup> Ibn 'Adi, al-Kamil fi al-Du 'afa' al-Rijal 4/111
- <sup>48</sup> Ibn 'Abd al-Bar, Jami' Bayan al-'Ilmi wa fadlih 1/48
- <sup>49</sup> Ibn Jawzi, al-Mawdu 'at 1/263
- <sup>50</sup> Ibn 'Abd al-Bar, Jami ' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih 1/45
- <sup>51</sup> Syeikh al-Albani juga menghukumkan hadith ini sebagai palsu. 1/545
- <sup>52</sup> al-'Askari, Diwan al-Ma 'ani 1/148
- <sup>53</sup> al-Khatib, al-Faqih wa al-Mutafaqqih 2/61

- 
- <sup>54</sup> Ibn Majah, Sunan Ibn Majah 1/79
- <sup>55</sup> al-Kannani dalam Misbah al-Zujajah
- <sup>56</sup> Ibn 'Abd al-Bar, Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih 1/24-25
- <sup>57</sup> Al-Albani, Daif Ibn Majah 1/16
- <sup>58</sup> al-Tabrani, al-Mu 'jam al-Awsat 5/298
- <sup>59</sup> Al-Haythami, Majma' al-Zawaiid 1/403-404
- <sup>60</sup> Al-'Iraqi, al-Mughni 'an Hamli al-Asfar 1/16
- <sup>61</sup> al-Darimi, Sunan al-Darimi 1/395
- <sup>62</sup> Ibn 'Abd al-Bar, Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih 1/46
- <sup>63</sup> Ibn Syahin, al-Targhib fi Fadail al-A'mal wa Thawab zalika h 239
- <sup>64</sup> Ibn 'Asakir, Tarikh Madinah Dimasyq 51/61
- <sup>65</sup> Al-Mundhiri, al-Targhib wa al-Tarhib 1/54
- <sup>66</sup> Al-'Iraqi, al-Mughni 'an Hamli al-Asfar 1/17
- <sup>67</sup> Al-Syawkani, al-Fawaaid al-Majmu 'ah fi al-Ahadith al-Mawdu 'ah 1/284
- <sup>68</sup> Al-Fatni, Tazkirah al-Mawdu'at 1/90
- <sup>69</sup> al-Quda'i, Musnad al-Syihab 2/260
- <sup>70</sup> Tamam al-Razi, al-Fawaaid 1/182
- <sup>71</sup> Ibn al-Asakir, Tarikh Dimasyq 17/62
- <sup>72</sup> Ibn Abi Hatim, al-Jarh wa al-Ta'dil 5/388
- <sup>73</sup> Ibn al-Mubarak dalam al-Zuhd 1/
- <sup>74</sup> al-'Iraqi, al-Mughni 'an Hamli al-Asfar 1/19
- <sup>75</sup> al-Rafi 'i, al-Tadwin fi Akhbar Qazwin 1/255
- <sup>76</sup> Al-Albani, Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah 7/251
- <sup>77</sup> al-Quda'i, Musnad al-Syihab 2/203
- <sup>78</sup> al-Bayhaqi, Syu'ab al-Iman 4/224
- <sup>79</sup> Ibn 'Adi, al-Kamil fi al-Du 'afa' al-Rijal 2/298
- <sup>80</sup> al-Rafi 'i, al-Tadwin fi Akhbar Qazwin 1/177
- <sup>81</sup> Al-Suyuti, al-Lali' al-Masnu'ah 1/179
- <sup>82</sup> Al-Albani, Silsilah al-Ahadith al-Daifah 1/559
- <sup>83</sup> al-Daraqutni, Sunan al-Daraqutni 1/73
- <sup>84</sup> al-Bayhaqi, Sunan al-Bayhaqi al-Kubra 1/44
- <sup>85</sup> Ibn 'Asakir, Tarikh Dimasyq 33/51
- <sup>86</sup> Al-Albani, Silsilah al-Ahadith al-Daifah 13/823-826
- <sup>87</sup> Al-Tabrani, al-Mu 'jam al-Kabir 22/ 83

- 
- <sup>88</sup> Abu Ya'la, Musnad Abu Ya'la 13/389
- <sup>89</sup> Tamam al-Razi, Fawa'id 2/89
- <sup>90</sup> Ibn 'Asakir, Tarikh Dimasyq 6/5
- <sup>91</sup> al-Daynuri, al-Mujalasah wa Jawahir al-'Ilmi 1/195
- <sup>92</sup> al-Munawi, al-Taysir bi syarh al-Jami' al-Saghir 1/530
- <sup>93</sup> Al-Albani, Silsilah al-Ahadith al-Daifah 8/65
- <sup>94</sup> Ibn Saad, al-Tabaqat al-Kubra 7/142
- <sup>95</sup> al-Bayhaqi, Syu'ab al-Iman 5/261
- <sup>96</sup> Ibn Abi Syaibah, Musannaf Ibn Abi Syaibah 7/179
- <sup>97</sup> Ibn 'Asakir, Tarikh Madinah Dimasyq 58/303-304
- <sup>98</sup> Al-'Iraqi, al-Mughni 'an Hamli al-Asfar 2/740
- <sup>99</sup> Al-Sakhawi, al-Maqasid al-Hasanah 1/332
- <sup>100</sup> al-'Ajluni, Kasyf al-Khafa' 1/469
- <sup>101</sup> Al-'Iraqi, al-Mughni 'an Hamli al-Asfar 1/100
- <sup>102</sup> Al-'Iraqi, al-Mughni 'an Hamli al-Asfar 1/105
- <sup>103</sup> Abu Mansur al-Daylami, Musnad al-Firdaws
- <sup>104</sup> al-Bayhaqi, Syu'ab al-Iman 3/98
- <sup>105</sup> Abu Nu'aym al-Asfahani fi Hilyah al-Awliya'
- <sup>106</sup> al-Tabrani, Mu'jam al-Awsat 8/174
- <sup>107</sup> Ibn 'Adi, al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal 2/356
- <sup>108</sup> al-'Uqayli, al-Du 'afa' 2/ 92
- <sup>109</sup> Al-'Iraqi, Takhrij Ahadith Ihya' 3/49
- <sup>110</sup> Al-Syawkani, al-Fawa'id al-Majmu 'ah 1/90
- <sup>111</sup> Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani , Lisan al-Mizan 1/475
- <sup>112</sup> al-'Aini dalam 'Umdah al-Qari 10/269
- <sup>113</sup> al-'Uqayli dalam kitab al-Du 'afa'
- <sup>114</sup> Al-Uqayli ,al-Du 'afa' 2/162
- <sup>115</sup> Ahmad bin Ali bin Hajar al-Asqalani 6/33
- <sup>116</sup> Muhammad Nasir al-Din al-Albani 2/263

## DAFTAR PUSTAKA

- Ahmad, Kassim, *Hadis Satu Penilaian Semula*. Selangor: Media Cetak, 1986.
- Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-, *Nuzhah al-Nazar Fi Taudih Nukhbah al-Fikr Fi Mustalah Ahl al-Athar*. Oman: Dar Ammar Li al-Nasyr wa al-Tauzi' 1999.
- Bukhari, Abu 'Abdillah Muhamamdi bin Ismail. *Matn al-Bukhari bi Hasyiyah al-Sindiy*. Bandung: Al-Ma'arif, t.th.
- Hanbal, Ahmad bin, *Musnad Imam Ahmad* 1/230
- Manzur, Amal al-Din Muhammad bin Makram bin, *Lisan al-'Arab* j.4 Beirut: Dar Sadir, t.t..
- Muslim, *shahih al-Muslim*, Juz. I. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1992.
- Syaibah, Ibn Abi, *Musannaf Ibn Abi Syaibah* 1/458
- Tabrani, Al-, al-Mu 'jam al-Kabir 12/90
- Tahhan, Mahmud al-, *Taysir Mustalah al-Hadith* c.9, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi'. 1996.